

LEX READ

NOVEMBER 2023

Transgender
Women
In Sports

PM DR.
NIK SALIDA

MENULIS



Equal Treatment or
Equal Outcomes?



JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462

LAMBAKAN JUALAN VAPE: WAJAR ATAU TIDAK?

Oleh: Nabila Ayuni binti Abdul Malek



PENGENALAN

Susan (bukan nama sebenar), merupakan seorang remaja perempuan berusia 16 tahun yang mula merokok seawal usia 14 tahun. Namun, dek kerana ingin menyembunyikan bau rokok daripada sampai ke pengetahuan ibu bapanya, maka vape menjadi pilihan selepas mendapati bahawa vape tidak mempunyai bau yang tidak menyenangkan. Susan juga mengakui bahawa pada zaman sekarang, amat mudah untuk mendapatkan bekalan vape. Susan mendapatkan bekalan vape melalui aplikasi telegram dan selepas pesanan dibuat, seorang individu yang tidak dikenali akan menghantar pada hari yang sama di lokasi yang telah ditetapkan. Percaya atau tidak, sedutan kisah Susan ini sebenarnya sudah menjadi kebiasaan dan semakin membarah dalam masyarakat. Walaupun masih di bangku sekolah, golongan remaja mendapat akses yang luas terhadap nikotin melalui produk vape.

Vape ialah penyedut wap yang dihasilkan oleh rokok elektronik dan berfungsi sebagai alternatif kepada rokok konvensional dan dipercayai lebih selamat daripada rokok, lebih efisien dan kos lebih rendah berbanding dengan rokok. Walaupun pada mulanya rokok elektronik atau vape diperkenalkan untuk membuang ketagihan dalam kalangan perokok, namun kini ia dilihat sebagai satu trend yang sangat membimbangkan. Dari semasa ke semasa, ramai perokok beralih kepada vape kerana menganggap vape lebih sihat.

Lambakan kedai vape termasuk atas talian yang semakin banyak ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan dan boleh didapati dengan mudah. Populariti vape semakin meningkat bukan sahaja dalam kalangan golongan dewasa, tetapi juga anak muda tanpa mengira jantina. Lebih merisaukan, budaya menghisap vape sudah menjadi kelaziman dan norma baharu kepada perokok dan bekas perokok yang sudah meninggalkan rokok tembakau.

Jika dahulu, kos untuk memiliki rokok elektronik memerlukan perbelanjaan besar sehingga ratusan ringgit. Namun begitu, kini peranti berkenaan boleh dibeli oleh semua golongan termasuk pelajar sekolah kerana dijual dengan harga yang terlalu murah. Terdapat vape yang berjumlah bawah RM10 berdasarkan jumlah sedutan yang ditawarkan.

Jualan cecair rokok elektronik atau vape yang lebih dikenali dengan nama *e-juice* berperisa yang tidak dipantau di negara ini adalah membimbangkan lebih-lebih lagi apabila ia digunakan secara meluas terutama dalam kalangan golongan muda dan perokok tegar yang mahu berhenti daripada tabiat buruk itu. Cecair, atau jus vape, boleh didapati dalam pelbagai perisa termasuk anggur, mangga, laici dan juga *crème brulee*.

HUKUM VAPE DI SISI SYARAK



Menurut Irsyad al-Fatwa ke-63 hujah mengenai hukum penggunaan rokok elektronik, tidak jauh beza dengan keharaman rokok. Jelas, vape tidak ada manfaatnya kerana bercanggah dengan maqasid al-syariah. Vape juga mempunyai bahan kimia berbahaya, membazir, dan boleh menjadi lebih mudarat berbanding rokok. Di sinilah perlunya kaedah *sadd al-zara'ie* iaitu menutup jalan-jalan yang boleh membawa kepada kerosakan ataupun keburukan.

وَمَنْ تَحَسَّى سُمًّا فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَسُمُّهُ فِي يَدِهِ يَتَحَسَّاهُ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا أَبَدًا

Maksudnya: Sesiapa yang meneguk racun lalu membunuh dirinya, maka racunnya akan sentiasa di tangannya sambil meneguknya dalam neraka Jahannam, berkekalan selama-lamanya

Pada 21 Disember 2015, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah memutuskan bahawa penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram.

UNDANG-UNDANG VAPE DI MALAYSIA

Dalam Belanjawan 2023, Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan bahawa kerajaan akan memperkenalkan duti eksais bagi produk cecair atau gel yang mengandungi nikotin untuk rokok elektronik dan vape. Ini bermaksud kerajaan akan mengawal selia rokok elektronik dan vape bagi memastikan penjualan tersebut sah mengikut sisi undang-undang. Perbincangan untuk kawal selia rokok elektronik dan vape di Malaysia sudah menjangkau hampir 10 tahun sejak produk itu mula mendapat sambutan dalam kalangan pengguna sekitar 2014.



Menurut laporan awal Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) pasaran vape meningkat sebanyak 9.6 peratus pada 2022, iaitu daripada RM2.49 bilion berbanding RM2.27 bilion pada 2019. Ketika ini, belum ada undang-undang khas untuk mengawal industri vape, namun ia termaktub dalam Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022, yang akan dibahaskan dalam parlimen pada sesi yang akan datang. RUU itu antara lain menyamakan vape seperti rokok dan menggariskan dasar Generasi Penamat (GEG), yang akan mengharamkan industri vape pada masa hadapan.

Kerajaan perlu segerakan undang-undang pintar bagi mengawal selia penjualan dan pemasaran produk vape. Kanak-kanak di bawah umur tidak seharusnya dibenarkan membeli produk vape. Bagi mengelakkan atau mengurangkan risiko berlakunya perkara ini, pihak kerajaan perlu mewujudkan undang-undang yang berasingan daripada rokok atau memperluaskan skop undang-undang tembakau sedia ada bagi mengawal selia penjualan dan pemasaran vape. Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh pihak kerajaan.

“

Pada 21 Disember 2015, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah memutuskan bahawa penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram.

”

Antaranya memperkenalkan peraturan pintar dan menguatkuasakan sekatan umur yang ketat ke atas peranti vape dan cecair di tempat jualan dan menggunakan teknologi pengesanan umur moden untuk jualan dalam talian. Ketiadaan undang-undang akan memudahkan kanak-kanak untuk mendapatkan vape daripada aktiviti pasaran gelap dan perdagangan haram seperti yang sedang berleluasa mutakhir ini.

Bagi mengekang bahaya tembakau dan produk nikotin, Malaysia telah mula membahaskan Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok. RUU yang juga dikenali sebagai RUU Generasi Penamat (GEG) itu bertujuan mengharamkan penjualan rokok, tembakau dan produk vape kepada mereka yang lahir dari 2007. RUU itu telah dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk semakan pada Ogos 2022 dan dijangka dibentangkan semula di parlimen kelak.

Jika RUU ini diluluskan di Parlimen adalah mudah buat kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk bertindak dan dipercayai mampu menyekat golongan remaja khususnya pelajar sekolah daripada memiliki vape.

Setakat ini, Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang dibuat bacaan pertama pada 27 Julai 2022 dan bacaan kedua pada 2 Ogos 2022 sebelum dimuktamadkan pindaan dalam Jawatankuasa Khas Parlimen pada 4 Oktober 2022 tidak dapat diteruskan susulan pembubaran Parlimen.

Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang dibentangkan itu adalah Rang Undang-Undang terbaik yang digubal oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak Jabatan Peguam Negara dalam sejarah kawalan tembakau sejak Malaysia menganggotai WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) pada 2005.



Rang Undang-Undang untuk mengawal masalah penggunaan rokok termasuk rokok elektronik yang semakin mencengkam dalam masyarakat terutama kanak-kanak, remaja dan belia digandingkan dengan larangan penggunaan dalam kalangan generasi akan datang sepatutnya diluluskan awal lagi.

VAPE MEMUDARATKAN MASYARAKAT

Penggunaan vape yang disalahguna oleh golongan remaja dikhuatiri akan menyebabkan ketagihan. Remaja akan mudah menjadi ketagih untuk menghisap vape sekiranya wujud kandungan nikotin dalam cecair vape tersebut. Seseorang penjual tidak jujur dan tidak mengakui bahawa wujudnya nikotin namun sebenarnya ada kandungan tersebut. Malah ada yang berani mencampurkan bahan tersebut dengan bahan terlarang yang lain seperti dadah dan minyak ganja.

Nikotin adalah racun berjadual di bawah **Akta Racun 1952** dan produk yang mengandungi nikotin hanya boleh dijual oleh ahli farmasi atau doktor berlesen untuk membantu perokok berhenti merokok. Penggunaan dos nikotin melebihi had yang sepatutnya juga boleh menyebabkan kerosakan paru-paru. Kebanyakan individu yang menggunakan vape mempunyai masalah paru-paru tanpa mereka sedari. Tahukah anda, banyak kematian yang berpunca daripada vape tidak dilaporkan dalam media massa tetapi jumlah kematian akibat vape semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Banyak negara Eropah termasuk Austria, Belgium, Jerman dan Itali mengklasifikasikan e-rokok sebagai produk tembakau yang tertakluk kepada kawalan ketat. Di Asia, Thailand mengharamkan vape sejak 2014 diikuti dengan Singapura pada tahun 2018 dan India pada tahun 2019. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut menganggap rokok elektronik berbahaya kepada kesihatan dan menggesa peraturan ketat untuk menghalang golongan muda daripada menggunakannya.

Kerajaan juga harus memastikan pasaran gelap produk vape berada pada tahap minima. Sektor vape memerlukan undang-undang khusus yang berbeza daripada rokok tradisional. Ini akan membolehkan sektor vape memenuhi potensi pertumbuhannya dan membantu lebih ramai perokok Malaysia untuk berhenti merokok.

Ketiadaan peruntukan undang-undang terhadap penggunaan vape terutama jenis pod pakai buang dalam kalangan golongan bawah umur dan pelajar sekolah menyebabkan pihak berwajib tidak dapat mengambil tindakan sewajarnya. Hal ini kerana Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang turut menyentuh berkenaan penggunaan vape masih belum diluluskan di Parlimen.

PENUTUP

Sayugia diingatkan bahawa penangguhan kelulusan Rang Undang-Undang ini bermaksud lambakan rokok elektronik atau vape akan semakin berleluasa dan bayangkan berapa ramai lagi kanak-kanak, remaja sekolah dan belia akan terjebak dengan masalah ini selagi sekatan terhadap penjualan terutama penjualan dalam talian, larangan pengiklanan sebagaimana larangan kepada rokok dan produk tembakau tidak dapat dilaksanakan di bawah undang-undang ini.

Kerajaan perlu digesa untuk meluluskan undang-undang berkaitan kawalan produk tembakau dan merokok terlebih dahulu sebelum mengecualikan nikotin daripada **Akta Racun 1952** bagi tujuan kutipan cukai untuk vape yang mengandungi bahan itu.

RUJUKAN

Riwayat al-Bukhari (5778) dan Muslim (109)

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/01/tanpa-akta-kawalan-tembakau-sesiapa-boleh-beli-vape-kata-kj/>